



جَبَاتَانِ كَهَاكِيمَانِ سَيَرِيَاةٍ پَهَاڠِ

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG  
Jalan Masjid  
25000 KUANTAN  
PAHANG DARUL MAKMUR



Tel : 09-517 7966  
Faks : 09-513 4805  
Web : <http://pahang.jksm.gov.my>  
E-mail : [jksp@esyariah.gov.my](mailto:jksp@esyariah.gov.my)

Ruj. Tuan : JKSP 600-1/3/1 (23)  
Takwim : 13 Muharram 1442H  
Tarikh : 01hb September 2020

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,  
Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,

## PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BIL. 15 TAHUN 2020

### Pematuhan Pengagihan Majlis Sulh

Saya ingin menarik perhatian semua Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah kepada keputusan Muzakarah Kehakiman Jabatan Kehakiman Syariah Pahang Bil 1/2020 pada 24hb hingga 26hb Ogos 2020 bersamaan 5 hingga 7 Muharram 1442H di Bilik Mesyuarat Pejabat Agama Islam Daerah Rompin untuk mengesahkan dan menerima pakai arahan bahawa:

1. Arahan pengagihan kes ke Majlis *Sulh* sebagaimana Arahan Amalan No. 1 Tahun 2010 hendaklah dipatuhi oleh semua pihak termasuk Pegawai Mahkamah, Peguam Syarie dan pihak-pihak.
2. Mana-mana pihak yang telah ada persetujuan bersama sebelum pendaftaran hendaklah melampirkan perjanjian persetujuan tersebut atau surat pemakluman semasa pendaftaran untuk tujuan pengecualian pengagihan ke Majlis *Sulh*.
3. Pendaftar / Penolong Pendaftar berhak untuk meluluskan atau tidak meluluskan permohonan pengecualian pengagihan kes ke Majlis *Sulh* tertakluk kepada pertimbangan perundangan.

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 01hb September 2020.

(Dato' Sri Haji Abdul Rahman Bin Md Yunos, SSAP., DIMP., SMP., PKC.)  
Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Pahang

KUANTAN  
2020

"SYARIAH ASAS KEADILAN"



CERTIFIED TO ISO 9001:2008 CERT. NO. AN5404